




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

9 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 3,333 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 259,932 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Papar dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 420 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 242,277 orang. Manakala 1,919 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 868 orang di hospital, 1,028 orang di Pusat Kuarantindan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 23 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 34 orang merangkumi 28 di ICU/repurposed kritikal *care* serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 24 (17.39%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan, Pitas dan Tongod berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

Walaupun hari ini memperlihatkan peningkatan kes yang drastik iaitu kepada 3,333 kes positif Covid-19, diperhatikan bahawa hanya 15 kes dalam kategori 3, 4 dan 5, masing-masing enam (6) kes kategori 3, enam (6) kes lagi kategori 4 dan tiga (3) kes kategori 5. Ini menunjukkan bahawa program vaksinasi penduduk Sabah amat berkesan dalam usaha mengurangkan gejala serius meskipun dijangkiti Covid-19.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah merekodkan kes harian melepasi paras 3,000 dengan 3,333 kes, iaitu angka kedua tertinggi pernah dicatatkan di Negeri Sabah sejak 12 Mac 2020. Jumlah peningkatan hari ini ialah sebanyak 1,264 kes berbanding semalam.
- b. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan jangkitan baharu hari ini. Sebanyak 10 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 591 kes (+196), Sandakan 510 kes (+243), Penampang 324 kes (+163), Tuaran 266 kes (+74), Papar 224 kes (+63), Ranau 196 kes (+114), Tawau 191 kes (+78), Lahad Datu 169 kes (+32), Beaufort 116 kes (+42) dan Kota Marudu 102 kes (+54). Sejumlah 15 daerah mencatatkan kes dua (2) angka dan dua (2) daerah mencatatkan kes satu (1) angka.
- c. Angka perbandingan kes daerah-daerah di Negeri Sabah berbanding semalam juga menunjukkan beberapa daerah merekodkan pertambahan sehingga dua kali ganda, bahkan ada daerah yang mencatatkan peningkatan hingga empat kali ganda. Hanya enam (6) daerah yang merekodkan penurunan kes namun masih mencatatkan angka yang tinggi kecuali daerah Kalabakan.
- d. Jumlah kes melalui Saringan Bergejala yang sinonim dengan jangkitan sporadik amat tinggi, iaitu 1,724, hampir 52% daripada jumlah keseluruhan kes baharu hari ini.
- e. Sejumlah 185 kes baharu berpunca daripada 30 kluster yang masih aktif dengan 22 daripada kluster ini merupakan kluster institusi pendidikan. Hari ini, tiga (3) lagi kluster baharu pendidikan diisytiharkan di Beluran, Keningau dan Kinabatangan.

- f. Kluster Access Menawo di daerah Keningau melibatkan pelajar asrama Institut Pelajaran dan Dakwah Islam Sabah (IPDAS) Keningau. Indeks kes adalah seorang pelajar perempuan berumur 21 tahun di institusi berkenaan. Indeks kes mula bergejala pada 6 Februari 2022. Saringan dijalankan pada hari yang sama dan didapati positif. Saringan terhadap kontak rapat di asrama yang sama mendapati 11 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif seramai 12 orang. Semua kes dikategorikan dalam 1 & 2 (gejala ringan), telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.
- g. Di Beluran, Kluster Simpangan Paitan dikesan berlaku di SMK Simpangan Paitan. Indeks kes adalah seorang pelajar perempuan yang tinggal di asrama SMK Simpangan mula mengalami simptom selesma, batuk dan sakit tekak sejak 4 Februari 2022. Pelajar tersebut disaring pada 6 Februari 2022 dan didapati positif. Saringan terhadap kontak rapat di asrama yang sama mendapati 22 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif seramai 23 orang. Semua kes dikategorikan dalam 1 & 2 (gejala ringan), telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.
- h. Kluster ketiga yang diisytiharkan hari ini ialah Kluster Bukit Garam di Kinabatangan dan melibatkan SMK Bukit Garam 1. Kes Indeks adalah seorang pelajar perempuan warganegara Malaysia berumur 18 tahun yang menjalani ujian saringan RTK-Ag di Hospital Kinabatangan pada 6 Februari 2022 kerana bergejala. Pelajar tersebut mula mengalami simptom sejak 28 Januari 2022. Saringan mendapati dia positif dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan. Saringan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 46 orang lagi dikalangan pelajar dan kakitangan sekolah didapati positif. Semua pesakit dikategorikan dalam Kategori 1 & 2 (gejala ringan), telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.
- i. Sejumlah 3,318 (99.55%) daripada 3,333 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat enam (6) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,275) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	185	5.55%
2	Kontak	1,275	38.25%
3	Bergejala	1,724	51.73%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	149	4.47%
JUMLAH		3,333	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (8 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 8/02/2022	Catatan Kes 9/02/2022	Perbandingan
1	Sandakan	267	510	+243
2	Kota Kinabalu	395	591	+196
3	Penampang	161	324	+163
4	Ranau	82	196	+114
5	Tawau	113	191	+78
6	Kinabatangan	18	96	+78
7	Tuaran	192	266	+74
8	Papar	161	224	+63
3	Kota Marudu	48	102	+54
10	Kunak	24	73	+49
11	Beaufort	74	116	+42
12	Lahad Datu	137	169	+32
13	Semporna	24	54	+30
14	Kota Belud	63	90	+27
15	Tongod	0	19	+19
16	Telupid	29	45	+16
17	Nabawan	6	17	+11
18	Beluran	23	33	+10
19	Tenom	6	15	+9
20	Pitas	4	7	+3
21	Tambunan	13	15	+2
22	Putatan	39	17	-22
23	Kudat	30	18	-12
24	Kuala Penyu	59	51	-8
25	Keningau	60	57	-3
26	Sipitang	39	36	-3
27	Kalabakan	2	1	-1
JUMLAH		2,069	3,333	+1,264

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	35	238	289	0	29	591	2,469
Sandakan	0	145	347	0	18	510	2,241
Penampang	0	149	163	0	12	324	1,254
Tuaran	0	139	115	0	12	266	1,311
Papar	4	117	99	0	4	224	743
Ranau	0	24	164	0	8	196	547
Tawau	30	41	100	0	20	191	749
Lahad Datu	2	67	91	0	9	169	612
Beaufort	36	34	37	0	9	116	534
Kota Marudu	2	60	37	0	3	102	449
Kinabatangan	46	33	16	0	1	96	189
Kota Belud	0	38	50	0	2	90	341
Kunak	1	52	17	0	3	73	202
Keningau	12	16	28	0	1	57	256
Semporna	0	5	38	0	11	54	154
Kuala Penyu	0	41	10	0	0	51	236
Telupid	0	33	12	0	0	45	115
Sipitang	0	8	26	0	2	36	108
Beluran	17	13	3	0	0	33	93
Tongod	0	0	19	0	0	19	21
Kudat	0	4	11	0	3	18	125
Putatan	0	7	10	0	0	17	334
Nabawan	0	1	16	0	0	17	29
Tambunan	0	7	7	0	1	15	93
Tenom	0	1	13	0	1	15	61
Pitas	0	2	5	0	0	7	26
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	5
JUMLAH	185	1,275	1,724	0	149	3333	13,297

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pintas Sembulan	35
Keningau	Kluster Access Menawo	12
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	30
Kota Marudu	Kluster Jalan Kebulian	2
Papar	Kluster Persiaran Palma	4
Beaufort	Kluster Kg Weston	36
Kunak	Kluster Giram	1
Kinabatangan	Kluster Bukit Garam	46
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	2
Beluran	Kluster Simpangan	17
Jumlah		185

6 Terdapat tiga (3) kluster baharu direkodkan hari ini.

- i **Kluster Bukit Garam - Kinabatangan** mula dikesan menerusi seorang pelajar perempuan, 18, yang bergejala sejak 28 Januari 2022 dan akhirnya disahkan positif COVID-19 dalam ujian saringan RTK-Ag di Hospital Kinabatangan pada 06 Februari 2022 sekali gus sebagai kluster indeks. Kluster jenis institusi pendidikan ini kemudian mencatat jumlah kumulatif sebanyak 47 kes selepas aktiviti persampelan kontak rapat dijalankan ke atas 161 orang terdiri daripada pelajar dan kakitangan sekolah. Semua kes dikategorikan dalam 1 dan 2 (gejala ringan), telah diasingkan dan di beri rawatan yang sesuai.

- ii **Kluster Simpangan Paitan - Beluran** dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan yang melibatkan SMK Simpangan, Paitan dalam Daerah Beluran. Kes indeks adalah seorang pelajar perempuan yang tinggal di asrama sekolah berkenaan. Mengalami simptom selesema, batuk dan sakit tekak sejak 04 Februari 2022, kes indeks kemudian disahkan positif COVID-19 dalam saringan pada 06 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat asrama kemudiannya mendapati 22 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 23 kes. Semua kes di kategorikan dalam 1 dan 2 (gejala ringan), telah di asingkan dan di beri rawatan yang sesuai.
- iii **Kluster Access Menawo - Keningau** merekodkan jumlah kumulatif sebanyak 12 kes dan dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kluster ini melibatkan pelajar Asrama IPDAS Keningau, rakan sebilik serta seasrama. Kes indeks adalah pelajar perempuan, 21, yang mula bergejala sejak 06 Februari 2022 dan didapati positif COVID-19. Saringan terhadap kontak asrama yang sama turut mengesan 11 lagi kes positif. Semua kes di kategorikan dalam 1 dan 2 (gejala ringan), telah di asingkan dan di beri rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,010 unit

- Hospital 1,387 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,433 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 42.88%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 9 FEBRUARI 2022**i. Tempatan/Import/Tahanan**

Import/Tempatan	
Tempatan	3,280
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	51
Jumlah	3,333

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	3,225
Bukan Malaysia	108
Jumlah	3,333

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	120
Belum Menerima Vaksin (5-11)	266
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	198
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	2,217
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	532
Jumlah	3,333

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	20
1 to 5	100
6 to 11	266
12 to 17	351
18 to 25	645
26 to 59	1,726
>60	225
Jumlah	3,333

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 08 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,523. Daripada jumlah ini, seramai 7,817 orang adalah penduduk dewasa, 95 orang adalah penduduk remaja 611 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 08 Februari 2022 adalah seramai 2,458,171 orang. Ini meliputi 2,117,523 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.77% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,229 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,065 orang atau 76.06% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,546 orang atau 77.78% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,164 atau 72.16% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 3,102 atau 0.71% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,978** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 172 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 57 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1002 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 570 premis perniagaan dan 911 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 310 Premis Perniagaan melibatkan 101 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.

5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan tujuh (7) buah BBP pada hari ini.

6 Sejumlah 66 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.

7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 106 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	97.6%
2	Kinabatangan	97.6%
3	Semporna	97.6%
4	Papar	97.6%
5	Sipitang	97.6%
6	Keningau	97.6%
7	Kota Marudu	97.5%
8	Kunak	97.5%
9	Beaufort	97.5%
10	Beluran	97.5%
11	Tuaran	97.5%
12	Tawau	97.5%
13	Lahad Datu	97.5%
14	Kudat	97.5%
15	Kota Kinabalu	97.4%
16	Ranau	97.4%
17	Sandakan	97.4%
18	Penampang	97.4%
19	Kota Belud	97.4%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II